

TR 1:11:65

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI PERTUNJUKAN MINGGU PER-
PADUAN NEGARA DI DEWAN TUNKU ABDUL
RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 2 NOVEMBER, 1965

Tuan Pengerusi,

Tuan-Tuan Yang Terutama,

Y . B . Menteri-Menteri dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sangat sukacita kerana dapat hadir bagi mengisytiharkan Pertunjukan Minggu Perpaduan Negara pada hari ini serta berucap kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Minggu Perpaduan Negara kerana telah sudi menjemput saya dan Isteri saya ke Majlis Pertunjukan pada hari ini.

Sungguh tertarik dan sangat menyenangkan hati kita semua kerana ada nya kerjasama yang rapat di antara gedung-gedung perniagaan dan perusahaan dalam negara ini dengan pihak Kerajaan. Saya bagi pihak Kerajaan, mengambil peluang di sini bagi mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada semua gedung-gedung perniagaan dan perusahaan yang telah sudi bekerjasama dengan Kerajaan bagi mengadakan Pertunjukan Minggu Perpaduan pada hari ini. Saya telah diberitahu bahawa Pertunjukan Minggu Perpaduan pada tahun ini adalah sederhana sahaja kerana tahun ini adalah tahun pertama kita mengadakan Pertunjukan Minggu Perpaduan.

Saya berharap pertunjukan sebegini rupa pada tahun-tahun hadapan akan dapat diadakan dengan secara yang lebih besar dan meriah lagi supaya ada peluang kepada semua gedung-gedung perniagaan dan perusahaan, baik yang besar mahu pun yang kecil, seluruh negara yang mahu mengambil bahagian dan juga supaya pertunjukan Minggu Perpaduan Negara ini sebenar-benarnya menarik rakyat dari semua peringkat dan masyarakat datang beramai-ramai melihatnya. Pertunjukan ini hendaklah merupakan suatu pertunjukan yang mencerminkan rakyat Malaysia dalam segala bidang - dalam bidang kehidupan seharian, pekerjaan, pelajaran, sukandan bagaimana rakyat menggunakan masa lapang mereka dan bagaimana pula Kerajaan Perikatan melaksanakan dasar dan cita-citanya hendak menubuhkan suatu bangsa yang bersatu padu yang terdiri daripada rakyat yang berbilang bangsa, ugama itu dan menggambarkan cita-cita dan hasrat rakyat pada masa hadapan.

Tahun ini adalah tahun yang kedua kita mengadakan Minggu Perpaduan Kebangsaan. Minggu Perpaduan Kebangsaan ini adalah ber-

tujuan untuk memperkukuhkan semangat perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum itu. Sungguh pun perpaduan rakyat dan keyakinan mereka terhadap konsep Malaysia sentiasa kuat, tetapi Kerajaan menganjurkan Minggu Perpaduan ini dengan tujuan hendak membaharui azam rakyat dan menunjukkan kepada seteru-seteru Malaysia, baik di luar atau dalam Negara yang rakyat negara ini daripada semua bangsa adalah mempunyai keazaman yang penuh untuk terus hidup bersatu sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat dan mereka berani mengorbankan jiwa dalam menghadapi segala anasir yang mahu menghancurkan keyakinan mereka kepada kehidupan di bawah demokrasi yang berparlimen. Dalam Minggu Perpaduan ini kita semua akan memperlihatkan perpaduan, keazaman dan keyakinan kita kepada suatu masa yang lebih gilang gemilang bagi Negara Malaysia di masa hadapan. Minggu Perpaduan ini juga akan memperlihatkan yang rakyat semua bersatu padu, berusaha, bekerjasama dan berseronok dan bergembira bersama-sama dan mempunyai tujuan dan matlamat yang satu; cita-cita yang satu bagi melahirkan suatu bangsa dan satu taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia.

Malaya, telah merdeka semenjak tahun 1957 dan Malaysia semenjak tahun 1963. Dalam kegiatan memperjuangkan kemerdekaan negara kita dahulu, semua bangsa dalam negara ini telah bersatu padu dan berjuang bersama-sama untuk mendapatkan kemerdekaan. Setelah bersama-sama bekerja, membina, memaju dan mempertahankan kemerdekaan yang telah dicapai itu daripada ancaman seteru-seteru Malaysia. Kita semua telah bersatu padu pula lagi membentuk Malaysia. Dan sekarang semua rakyat Malaysia yang taat setia sedang mempertahankan kemerdekaan Malaysia daripada diganyang oleh Indonesia dan dibinasakan oleh anasir-anasir subversif dari dalam negara. Sungguh banyak masa, tenaga, fikiran, wang, nyawa dan darah mengalir dan perajurit-perajurit yang mati terkorban untuk kemerdekaan dan mengekalkan keteguhan perpaduan negara itu. Penjajah Inggeris telah membuat syarat Malaya hanya boleh diberi kemerdekaan jika semua kaum dalam negara ini boleh bersatupadu dan kita telah memeranjatkan mereka kerana kita telah berjaya menyatupadukan semua kaum dalam negara ini menuntut kemerdekaan. Semenjak kemerdekaan pada tahun 1957 tidak ada pergaduhan perkauman dalam negara ini dan kita berdoa kepada Tuhan supaya menjauhkan perkara ini daripada berlaku bila-bila masa pun.

Antara beberapa-beberapa perkara yang paling disanjung tinggi dan diperjuangkan oleh semua kaum dan semua puak ialah kemerdekaan dan perpaduan negara dan kebebasan hidup dan beragama. Kemerdekaan telali memberi kepada kita darjat dan maruah yang

tinggi di dunia international. Negara kita merdeka dan berdaulat dan telah diterima oleh semua bangsa dan negara, kecuali Indonesia dan Komunis China. Kemerdekaan kita juga telah membawa perpaduan yang erat di antara penduduk-penduduk negara ini. Yang paling penting kemerdekaan telah membawa negara ini kemajuan, kejayaan dalam segala bidang, ekonomi, pelajaran, dan masyarakat dan sosial. Perpaduan ini sangat penting kerana tiap-tiap orang yang waras sedar dan yakin dengan tiada kemajuan perpaduan dan kemajuan tidak akan dapat dicapai malah Malaysia sendiri pun boleh hancur!

Sungguh pun negara kita Malaysia masih muda tetapi ia telah baligh dalam pemerintahan. 10 tahun dulu Malaya tidak dikenal dalam dunia, tetapi sekarang Malaya dan Malaysia telah timbul dari sebuah negara yang tidak terkenal menjadi sebuah negara yang sangat dihormati oleh kebanyakan negara oleh kerana pemerintahannya bagus dan kedudukan politiknya teguh. Ini adalah satu kejayaan yang besar bagi Malaysia di bawah pimpinan Kerajaan Perikatan, mencapai keteguhan politik dalam suasana Tenggara Asia yang sentiasa bergolak dan sering diancam oleh peperangan. Keanggotaan kita di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi kita nama yang baik dan memberi kedudukan yang istimewa dan terhormat di dunia.

Tiap-tiap sumbangan kita kepada keamanan dunia dipandang tinggi bukan sahaja oleh Negeri-negeri Afro Asia bahkan di Bangsa-bangsa Bersatu dan di seluruh dunia amnya. Sungguh menghairankan, selain daripada keanggotaan kita di Bangsa-bangsa Bersatu, pencerobohan Indonesia terhadap negara kita telah mengenalkan Malaysia kepada dunia kerana kita telah menjadi mangsa kekejaman Indonesia itu; kita telah menjadi mangsa kekejaman Indonesia itu; kita telah dapat banyak kawan-kawan di Afro Asia yang menyebelahi pihak kita kerana kita adalah pihak yang dianiaya dalam pencerobohan itu. Kejayaan Malaysia di dalam negeri, taraf hidup yang baik sekali kepada rakyatnya, selain daripada Negara Jepun dan dalam Asia; kemajuan-kemajuan masyarakat yang agak adil kepada semua bangsa dan kehidupan baharu kepada orang-orang luar bandar; kita berharap kehidupan dan taraf hidup orang-orang luar bandar akan bertambah maju lagi sesudah Rancangan Pembangunan Malaysia yang pertama dilancarkan pada awal tahun ini. Kejayaan kita di luar negara sudah pun mendapat tempat yang istimewa dan mulia di mata dunia. Kejayaan-kejayaan ini semua tidak dapat dipisahkan dengan pimpinan Kerajaan Perikatan di bawah pemimpin agongnya Y T M Tunku Perdana Menteri.

Tunku ialah Bapa Kemerdekaan Malaya dan Malaysia dan Bapa Perpaduan di Malaysia. Saya suka mengambil peluang pada hari ini sebab saya rasa hari ini adalah kena pada tempatnya untuk rakyat semua berterima kasih kepada Tunku atas jasa dan baktinya terhadap

perpaduan dan kemakmuran yang telah dicapai di Malaysia di bawah pemimpinnya. Tunku telah bekerja dan berusaha keras untuk menimbulkan keadaan yang ada pada hari perpaduan yang kukuh antara kaum-kaum di Malaysia. Semasa kita sedang menyainbut Minggu Perpaduan ini pada hakikatnya kita adalah menyambut dan menghormati semua rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara ini, serta percaya dan yakin kepada slogan "Bersatu Kita Teguh - Bercerai Kita Roboh". Kemajuan dan perpaduan yang ada pada hari ini tidak akan ada jika kebanyakan rakyat Malaysia tidak percaya kepada cogan kata ini dan kita hendaklah memberi hormat kepada mereka semua dan salah satu orang yang paling patut menerima penghormatan itu ialah Tunku Perdana Menteri.

Tunku adalah penggerak perpaduan dan kemakmuran negara ini dan ia juga adalah penggerak, penganjur dan penganas kepada usaha-usaha kita untuk melahirkan suatu bangsa yang taat setianya tidak berbelah bagi kepada negara Malaysia.

Kerajaan Perikatan telah berjaya mengadakan perpaduan yang erat antara berbagai-bagai kaum dan ugama di negara ini dengan tidak payah menggunakan perkauman atau sentimen keagamaan baik dari pihak, UMNO, MCA atau MIC, atau ketiga-ketiga anggota Perikatan. Kita sedar jika kita berbuat demikian perpaduan tidak akan timbul dan negara ini akan hancur jika politik kita berasaskan kepada perkauman dan nasionalism yang sempit. Parti Perikatan dan Kerajaan sangat megah dan bangga kerana semua rakyat yang berbagai-bagai kaum dalam negara ini telah menunjukkan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia dan sedia untuk mengorbankan jiwa masing-masing bagi mempertahankan kemerdekaan kita. Sungguh pun konfrantasi dan pencerobohan Indonesia mengancam kita tiap-tiap hari, tetapi semangat rakyat dan taat setia mereka kepada negara ini tidak berganjak malah semakin sehari semakin kuat dan makin yakin kepada perjuangan dan konsep Malaysia. Tetapi masih ada di dalam Malaysia ini dan juga di tempat-tempat lain anasir-anasir yang tidak suka perpaduan antara bangsa-bangsa di Malaysia ini terus menerus kekal. Mereka siang malam bekerja untuk memecahkan perpaduan rakyat dan negara ini, terutama sekali perpaduan antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu. Tetapi saya yakin percubaan ini akan gagal kerana di Malaysia kita dapati banyak dan ramai orang-orang yang cerdas, pandai dan waras fikirannya dan tidak begitu senang dihasut oleh anasir-anasir yang anti perpaduan dan anti-nasional baik yang di dalam atau pun di luar negara.

Kerajaan Malaysia dan Parti Perikatan mempunyai kekuatan yang cukup dalam bidang politik di negara ini, dan ia tidak payah menggunakan perasaan sentimen dan perkauman dan tidak payah menjadikan

diri kami semua demagogues. Kita berdoa dan bersyukur kepada Tuhan kerana satu-satunya sumber yang boleh merosakkan perpaduan antara bangsa-bangsa Melayu dan Cina, dalam negara ini telah pun dihapuskan, tetapi ini tidaklah bermakna dengan hilangnya sumber ini, bahaya perkauman telah hapus sama sekali di tanahair kita ini. Bahaya perkauman sentiasa ada dan banyak ejen-ejen anti-nasional bekerja kuat untuk memecahkan perpaduan ini dan kita mestilah bersatu dan berwaspada setiap masa untuk melawan dan mempertahankan negara ini daripada pihak-pihak anti-nasional dan anti Malaysia. Kita mestilah berwaspada dan menunjukkan kepada mereka sungguh yang usaha-usaha untuk memecahkan negara kita akan gagal dan sebaliknya perbuatan mereka itu hanya akan mengukuhkan lagi semangat dan keyakinan kita kepada perpaduan antara bangsa dan kepada konsep Malaysia yang kita percaya akan memberi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup kepada semua rakyat tidak kira bangsa atau keturunan dan agama. Saya menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan yang hendak menghancurkan dan melaga-laga perpaduan kebangsaan Malaysia supaya berfikir yang perbuatan mereka itu mesti gagal dalam Malaysia atau di tempat-tempat yang berdekatan dengannya. Tidak ada tempat yang akan selamat daripada kerosakan dan kebinasaan di mana-mana pun jika perbuatan mereka itu menimbulkan huruhara. Huruhara itu tidak akan hanya merosakkan negara kita tetapi mungkin menghancurkan dan membinasakan orang-orang yang selalu bermain dan mengapi-apikan perasaan perkauman di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina. Saya meminta supaya mereka itu sentiasa berwaspada dan sentiasa berjaga-jaga supaya jangan menyakit hati mana-mana kaum di dalam negara ini, jika satu-satu kaum sakit dan terharu hatinya maka perpaduan antara bangsa tidak akan kukuh dan mungkin hancur dan kalau perpaduan antara bangsa-bangsa itu hancur, Malaysia dan negara jiran mesti turut hancur. Orang-orang Malaysia yakin dan berani dan mereka tetap akan berdiri teguh di belakang Kerajaan dalam memperjuangkan konsep dan mempertahankan kemerdekaan Malaysia.

Malaysia adalah negara untuk semua rakyat yang taat setia dengan tidak kira keturunan atau bangsa dan agama. Malaysia tidak dipunyai oleh satu golongan — Malaysia adalah hak semua rakyat yang taat setia yang tidak berbelah bagi kepadanya. Kita telah menubuhkan Malaysia dengan tujuan supaya Malaysia ini benar-benar menjadi rumah dan tempat tumpuan taat setia yang tidak berbelah bagi, bagi semua rakyat dan mereka yang mencari kehidupan dan mendapat kesenangan dalam negara ini. Tetapi dalam masa kita mahu melahirkan suatu bangsa dengan suatu taat setia kita hendaklah berbuat demikian secara perlahan-lahan tetapi jika ini dipaksa nescaya ia akan rosak; semasa ini dijalankan, terpaksa dari satu masa ke satu masa kita mesti membuat perubahan-perubahan dan mestilah ada semangat kompromi antara


satu pihak dengan yang lain. Sudah tentu ia akan mengambil masa bagi semua rakyat melupakan asal keturunan mereka tetapi saya percaya masa tetap berada dipihak kita.

Sudah tentu pula ia akan mengambil masa bagi negara-negara yang baharu dalam Malaysia seperti Sabah dan Sarawak untuk betul-betul dapat menyesuaikan kedudukannya dalam satu Kerajaan Malaysia yang bercorak Persekutuan. Negeri-negeri Melayu telah lama berpengalaman hidup dalam Persekutuan tetapi bagi Sabah dan Sarawak mereka hanya mendapat kemerdekaan 2 tahun dahulu dan selama itu pengalamannya adalah, pengalaman di bawah penjajah. Oleh itu kita mestilah memberi masa dan juga sedar yang orang-orang Sabah dan Sarawak terencil daripada Ibu negara kita ini dan mungkin kerana itu lambatlah mereka mempunyai perasaan yang mereka adalah orang-orang Melayu dan bagi kita juga untuk menganggap mereka itu sedemikian. Perasaan 'Malaysian' yang tentu akan mengambil masa untuk meresap masuk ke dalam jiwa rakyat di merata-rata Malaysia. Tiap-tiap pemimpin-pemimpin hendaklah sentiasa menanamkan semangat itu di tiap-tiap jiwa seseorang dan membuat teladan-teladan dan perbuatan yang betul-betul merupakan Malaysia dan semangat Malaysia. Orang-orang di wilayah baharu Malaysia hendaklah menganggap orang-orang dari Malaya sebagai sebangsa tidak orang-orang luar. Dengan adanya perasaan ini dikedua-dua belah maka sudah tentu perasaan Malaysia yang tulin akan timbul. Malaya telah mendapat kemerdekaannya selama 8 tahun dahulu dan Malaya adalah pergabungan daripada 9 buah negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Pada tahun 1948 sebelum Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan, tiap-tiap negeri Melayu adalah negeri yang berdaulat dan mempunyai raja dan kerajaannya sendiri dan pada masa itu bagi orang-orang Trengganu, Kelantan, Johor atau Kedah sangat payah hendak menerima Kuala Lumpur sebagai Ibu negara dan tempat duduk Kerajaan kebangsaan. Mereka telah mengambil masa yang lama untuk menerima orang-orang Melayu dari negeri-negeri lain sebagai sedarlah sedaging mereka. Bagi orang-orang Kelantan, turun temurun sehingga tertubuhnya, Persekutuan Tanah Melayu baharu mereka menganggap orang-orang Melayu dari negeri-negeri lain sebagai sedarlah sedaging dengan mereka tetapi sebelum itu semua orang-orang, baik Melayu atau bukan Melayu sebagainya orang-orang luar. Perasaan kenegerian atau kedaerahan ini tebal tetapi semenjak tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu dan sekarang Malaysia, perasaan ini telah hilang sama sekali. Mereka menganggap semua orang serupa, tiada "Orang Luar" atau "Orang Dalam" baik mereka itu Cina atau pun Melayu. Saya yakin perasaan Malaysian yang tulin akan timbul meliputi seluruh negara setelah umur Malaysia meningkat dan perasaan orang digerak sewajarnya.

Tetapi dengan penuh keyakinan, dengan adanya, semangat saling mengerti dan semangat bersefahaman antara satu sama lain, saya percaya satu bangsa Malaysia yang kuat dan teguh akan lahir dan menjadikan Malaysia ini betul-betul tempat taat setia mereka yang tidak berbelah bagi. Saya menyeru kepada wilayah-wilayah baharu terutamanya supaya taat setia kepada negeri itu dapat 'dikeduakan' dan mereka lebih mementingkan taat setia kepada Kerajaan Pusat.

Selain daripada perbezaan ilmu alam kerana sifat-sifat yang berbagai-bagai dijajah oleh Inggeris, digalakkan hidup berasingan, pergi sekolah-sekolah yang berlain-lain dan belajar mata pelajaran yang tidak sama, maka terpaksa masa yang cukup diberi kepada mereka supaya dapat mereka membuat perubahan cara pemerintahan, dan kemerdekaan. Saya yakin dengan pimpinan yang baik di bawah Kerajaan Perikatan, kebangsaan Malaysian yang tulin akan lahir tidak lama lagi.

Terima kasih.



**Tun Abdul Razak bin Hussein di Upacara Perasmian Pembukaan Pertunjukan Minggu Perpaduan
Kebangsaan 1965 di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 2 November, 1965.**